

Jurnal Komunikasi
Malaysian Journal of Communication
Jilid 31(2) 2015: 617-629

KOMUNIKASI BAHASA MELAYU-JAWA DALAM MEDIA SOSIAL

Karim Harun & Maslida Yusof
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Di Malaysia, masih terdapat masyarakat Jawa yang menggunakan bahasa Jawa dalam pertuturan seharian. Ragam bahasa yang lazim digunakan ialah ragam Jawa ngoko (bahasa kasar). Walaupun bahasa Jawa masih dituturkan, namun penggunaannya semakin berkurangan. Salah satu faktor penggunaan bahasa Jawa yang semakin berkurang ini adalah disebabkan oleh pengaruh bahasa Melayu. Bahasa Melayu yang berfungsi sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi telah mempengaruhi masyarakat Jawa untuk beralih menggunakan bahasa Melayu. Kebanyakan orang Jawa daripada generasi ketiga sudah tidak menggunakan bahasa Jawa dalam interaksi lisan mereka tetapi memilih menggunakan bahasa Melayu. Kemunculan media sosial telah mewujudkan wadah baru dalam berkomunikasi dalam kalangan masyarakat Jawa daripada generasi ketiga. Dengan wujudnya media baru ini, maka proses komunikasi mereka juga turut berubah. Penggunaan aplikasi sosial seperti *WhatsApp* telah mengubah lanskap komunikasi dengan memberi ruang yang luas kepada bahasa ibunda mereka (bahasa Jawa) untuk berkembang. Kajian ini mendapati penggunaan bahasa Jawa ini digunakan sepenuhnya dalam sesuatu perbualan dan kadang kala diselangselikan dengan penggunaan bahasa Melayu dalam media sosial. Penguasaan kedua-dua bahasa yang baik dalam penutur bahasa Jawa menjadikannya lebih mudah untuk kedua-dua bahasa ditukar kod, iaitu daripada bahasa Jawa kepada bahasa Melayu dan bahasa Melayu kepada bahasa Jawa. Di samping itu, terdapat juga penukaran kod daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris dan juga Arab. Justeru dengan adanya penggunaan media social dan aplikasi sebagai medium berkomunikasi seperti

whatsApp, maka penggunaan bahasa Jawa telah meningkat dan seterusnya akan membantu melestarikan bahasa Jawa.

Kata kunci: *penukaran kod, bahasa ibunda, multilingual, pendidikan, identiti*

MALAY-JAVANESE COMMUNICATION IN SOCIAL MEDIA

Abstract

In Malaysia, Javanese language is still being used by the Javanese community in their everyday lives. Specifically, Javanese colloquial slang known as “ngoko” is widely practiced. However, while the language is still being used, it is observed that the pattern is declining. One factor contributing to this is due to the influence of the Malay language in Javanese community. Malay language, which serves as Malaysia national and official language has influenced the Javanese society to enable more use of the Malay language in everyday lives. Most of the third-generation of Javanese community in Malaysia does not use Javanese language in their verbal interactions anymore. They prefer to use languages other than the Javanese language. The emergence of social media has created a new platform for communication among this third generation to use Javanese language. With the emergence of new media, the communication process has also changed. The use of social apps such as WhatsApp has changed the communication landscape by giving them more space to speak in their native language (Javanese). This study found that Javanese language in social media is used more frequently in conversation and sometimes alternated with the use of languages other than Javanese language. Respondents are observed to be practicing both languages and that it was common in the Javanese language to be used interchangeably with the Malay language. In addition, there is also codeswitching from Malay to English and Arabic observed. The use of social media and apps as communication medium such as What Apps, is seen to help increase and preserve the Javanese language especially in the young generation.

Keywords: *Codeswitching, mother tongue, multilingual, education, identity*

PENGENALAN

Bahasa Jawa adalah salah satu bahasa minoriti di Malaysia. Bahasa ini dituturkan di kawasan pantai barat Semenanjung meliputi Pontian, Batu Pahat (Johor), Kuala Langat, Kelang, Kuala Selangor (Selangor), dan sebahagian Perak (Subakir 1998). Bahasa Jawa tergolong dalam keluarga Austronesia, sekeluarga dengan bahasa Melayu. Daripada segi jumlah, orang Jawa di Malaysia adalah antara yang terbesar dalam kalangan orang yang merantau dari Indonesia berbanding orang Bugis, orang Banjar, orang Boyan, orang Aceh, orang Rawa, dan orang Kampar.

Dalam komunikasi seharian, masih terdapat masyarakat Jawa yang menggunakan bahasa Jawa dalam pertuturan seharian. Ragam bahasa yang digunakan ialah ragam Jawa ngoko (bahasa kasar). Walaupun bahasa Jawa masih dituturkan, namun penggunaannya semakin berkurangan (lihat Subakir 1998; Muhammad Firdaus Pawit & Normahdiah Sheikh Said 2014). Salah satu faktor penggunaan bahasa Jawa yang semakin berkurang ini adalah disebabkan oleh pengaruh bahasa Melayu. Bahasa Melayu yang berfungsi sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi telah mempengaruhi masyarakat Jawa untuk beralih menggunakan bahasa Melayu. (Lily El Ferawati Rofil et al., 2015) Kebanyakan orang Jawa daripada generasi ketiga sudah tidak menggunakan bahasa Jawa dalam interaksi lisan mereka. Mereka memilih untuk lebih menggunakan bahasa Melayu.

Kemunculan media sosial telah mewujudkan wadah baru dalam berkomunikasi dalam kalangan masyarakat Jawa daripada generasi ketiga. Dengan wujudnya media baru ini, maka proses komunikasi mereka juga turut berubah. Penggunaan media dan aplikasi sosial seperti *WhatsApp*, *Twitter*, *Facebook*, dan *Telegram* telah mengubah lanskap komunikasi mereka dengan memberi ruang yang luas kepada bahasa ibunda mereka (bahasa Jawa) untuk berkembang (Mohd Zaidi Mahmud & Bahiyah Omar 2015). Mereka mula menggunakan bahasa Jawa dan mencampurkan atau melakukan penukaran kod Melayu-Jawa dalam komunikasi sesama mereka. Walaupun media sosial ini menghasilkan bentuk bahasa tulisan tetapi bentuk bahasa tulisannya lebih mirip kepada kepada bahasa lisan dengan mengandungi bentuk kolokial dan ciri-ciri bahasa lisan yang lain. Justeru makalah ini bertujuan untuk membincangkan penggunaan bahasa dalam kalangan orang Jawa berketurunan Melayu di media sosial. Penggunaan bahasa yang akan dibincangkan dalam makalah ini adalah daripada aspek penukaran kod yang melibatkan penukaran kod bentuk kata, frasa dan ayat.

PENUKARAN KOD

Masyarakat Malaysia adalah masyarakat bilingual. Orang-orang berketurunan Jawa ini juga adalah bilingual. Kebanyakan orang Jawa menguasai bahasa Melayu dan bahasa Jawa dengan seimbang. Dalam masyarakat bilingual atau

multilingual, penyisipan kata daripada bahasa lain ke dalam bahasa ibunda sering berlaku. Masyarakat Jawa yang terdiri daripada masyarakat bilingual juga tidak terkecuali. Mereka sering memasukkan kata daripada bahasa lain dengan mengubah suai sistem fonologi atau menyepadukan aspek morfologi bahasa tersebut dengan bahasa mereka. Kata-kata daripada bahasa lain yang dimasukkan ke dalam bahasa ibunda ini dinamai sebagai kata pinjaman. Namun begitu tidak semua kata-kata daripada bahasa lain itu telah mengalami pengubahsuaian fonologi atau morfologi, sebaliknya kata-kata daripada bahasa lain itu dimasukkan sepenuhnya. Proses ini bukan lagi bersifat meminjaman, tetapi ia dinamakan sebagai penukaran kod.

Penukaran kod ditakrifkan sebagai penggunaan bersilih ganti dua bahasa atau lebih dalam sesuatu ujaran perbualan yang sama (Grosjean 1982), melibatkan kata, frasa, klausa atau ayat. Penukaran kod juga boleh berlaku antara dialek dua dilaek, laras dan tahap seperti tahap kesantuanan dalam bahasa Jawa atau gaya dalam sesuatu bahasa. Penukaran kod juga berlaku dalam proses berkomunikasi melalui media sosial.

Myers-Scotton (1993) menggunakan istilah bahasa matriks (*matrix language*) dan bahasa sisipan (*embedded language*) dalam menjelaskan tentang penukaran kod. Bahasa matriks adalah bahasa yang memainkan peranan yang besar atau bahasa yang mendominasi dalam sesuatu ayat. Bahasa sisipan pula memainkan peranan yang kecil dalam sesuatu ayat. Dengan kata lain jumlah kata yang menjadi bahasa sisipan adalah sedikit berbanding bahasa matriks.

KAJIAN LITERATUR

Kajian penukaran kod yang melibatkan bahasa Melayu sudah banyak dilakukan. Kebanyakan kajian memberi tumpuan kepada penukaran kod bahasa Melayu-Bahasa Inggeris (Wong Khek Seng 1991; Jacobson 2004; Dayang Fatimah 2007). Kajian yang membincangkan penukaran kod bahasa Melayu dengan bahasa minoriti tidak banyak dilakukan. Salah satu penukaran kod bahasa Melayu dengan bahasa minoriti yang sering berlaku di Malaysia ialah bahasa Jawa (lihat Subakir 1998; Muhammad Firdaus Pawit & Normahdiah Sheikh Said 2014). Penutur bahasa Jawa seringkali menukar kod daripada bahasa Jawa kepada Melayu dan juga daripada bahasa Melayu kepada bahasa Jawa. Masyarakat Jawa ini akan menuturkan bahasa Jawa dan bahasa Melayu secara bertukar ganti. Walaupun komunitinya terdiri daripada bangsa Jawa, namun bahasa yang digunakan tidak semestinya bahasa Jawa.

Kajian penukaran kod bahasa Melayu-Jawa memperlihatkan bahawa faktor umur memainkan peranan dalam penggunaan bahasa Jawa. Kajian Muhammad Firdaus Pawit dan Normahdiah Sheikh Said (2014) di Sekinchan, Selangor memperlihatkan bahawa orang muda berketurunan Jawa yang berusia 6 hingga 12 tahun dan 13 hingga 18 tahun paling kurang menggunakan bahasa Jawa. Golongan ini juga lebih cenderung menukar kod daripada bahasa Jawa kepada bahasa Melayu. Namun begitu penggunaan bahasa Jawa bagi golongan muda

yang berusia 19 hingga 25 tahun, terutamanya golongan muda yang sedang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi dan golongan muda yang telah bekerja adalah tinggi. Di samping faktor umur, faktor identiti juga menjadi salah satu sebab mengapa orang Jawa memilih untuk menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa (Subakir 1998). Orang Jawa menggunakan bahasa Melayu kerana mereka mahu dikenali sebagai Melayu. Bagi mereka penggunaan bahasa Jawa sering dikaitkan dengan orang kampung, petani, tidak berpendidikan, sedangkan bahasa Melayu dikaitkan dengan pemodenan. Orang Jawa sama ada lelaki mahupun perempuan yang berusia di bawah 50 tahun mempunyai sikap yang negatif terhadap bahasa Jawa.

Kajian tentang pemertahanan dan pergeseran bahasa Jawa dalam *facebook* telah dilakukan oleh Nita Sulistya Wati (2013) dan beliau mendapati dalam perbualan di *facebook*, penutur bahasa Jawa tidak banyak menggunakan bahasa Jawa dan bahasa Jawa yang digunakan pula adalah bahasa Jawa ngoko yang dicampur dengan bahasa Indonesia dan juga bahasa asing.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian sosiolinguistik yang memberi tumpuan kepada penggunaan bahasa Melayu dan Jawa dalam media sosial. Untuk mendapatkan data penggunaan bahasa Melayu- Jawa, kaedah etnografi digunakan bagi mengumpulkan data dalam komunikasi sosial *WhatsApp*. Pengkaji telah mendaftar menjadi ahli daripada ahli kumpulan *WhatsApp* satu kumpulan orang Jawa. Walaupun pengkaji ikut serta dalam kumpulan tersebut tetapi pengkaji adalah peserta pasif. Pengkaji tidak mengambil bahagian dalam komunikasi yang berlaku dalam kumpulan *WhatsApp* tersebut. Dengan melakukan pemerhatian ikut serta dalam ruang komunikasi yang diwujudkan, pengkaji dapat memahami dengan lebih mendalam bentuk komunikasi yang berlangsung dalam kumpulan *WhatsApp* tersebut.

BAHAN KAJIAN

Kajian penukaran kod lebih memberi tumpuan kepada penukaran kod dalam interaksi lisan. Kajian penukaran kod yang dalam internet seperti media sosial masih kurang dilakukan (Dorleijn, M & Nortier J 2009). Kajian ini menggunakan data yang diambil dari aplikasi sosial *WhatsApp*. Aplikasi ini adalah aplikasi yang boleh digunakan untuk mengirim pesan teks kepada pengguna lain secara percuma. Di samping pesan teks, *WhatsApp* juga boleh digunakan untuk menyampaikan panggilan suara, sehingga ia mampu menyaingi *Skype* dan *Viber*. Di Malaysia penggunaan *WhatsApp* sebagai medium komunikasi juga turut menjadi pilihan kerana kebolehan menerima pesan teks, gambar, bunyi, menghantar pesan berkumpulan. Bentuk komunikasi yang wujud dalam *WhatsApp* adalah bentuk komunikasi lisan yang dipindahkan menjadi komunikasi tulisan. Cara berkomunikasi ini juga turut mendorong berlaku

pertambahan unsur lain daripada bahasa, seperti pemakaian emotikon sebagai simbol ekspresi tertentu untuk memperkaya bahasa tulis yang dipakai.

INFORMAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji memilih semua ahli kumpulan yang diberi nama Geng Jawa STI 83-84 seramai 19 orang sebagai informan. Tiga orang daripada informan adalah berketurunan Melayu. Walaupun mereka berketurunan Melayu, namun mereka juga boleh berbahasa Jawa dengan baik. Ini disebabkan persekitaran mereka yang dikelilingi oleh orang Jawa. Bagi informan Jawa, mereka adalah terdiri daripada generasi ketiga keturunan keluarga Jawa. Ibu-bapa mereka adalah generasi kedua, kedua-duanya berbangsa Jawa, bertutur dalam bahasa Jawa dan mereka dilahirkan di Malaysia. Datuk mereka pula yang merupakan generasi pertama adalah kelahiran daripada Indonesia. Umur informan adalah 47 tahun dan mereka semua terdiri daripada lelaki.

ANALISIS DATA

Berdasarkan data yang dianalisis, penukaran kod bahasa Melayu-Jawa dalam perbualan *WhatsApp* sememangnya berlaku. Penukaran kod berlaku daripada bahasa Melayu kepada bahasa Jawa. Dalam konteks kajian ini bahasa Melayu adalah bahasa utama kerana bahasa Melayu adalah bahasa pertuturan seharian dan menjadi lingua franca. Bagi penutur bahasa Jawa yang terdiri daripada generasi ketiga ini, bahasa Melayu juga adalah bahasa pertuturan utama mereka bukan bahasa Jawa. Keseluruhan data yang dianalisis juga memperlihatkan penggunaan Bahasa Melayu mendominasi dalam perbualan *WhatsApp* kumpulan Geng Jawa STI 83-84 ini. Berikut adalah contoh satu segmen perbualan yang dipetik daripada kumpulan *WhatsApp* Geng Jawa STI 83-84.

Contoh 1.

P8: Kat sini boleh ckp politik kan.

Kalau tak boleh... maklumkan ya

P9: kat satu lg bilik ji

P8: haha...minta izin dulu hj.---- bilik satu lagi tak boleh.

P9 : bilik lembaga koop.

P8: Ok... salah bilik ya...maaf ya semua.

P4 :bilik ni bebas utk 18taun ke atas

P8: Selamat Hari Raya..Maaf Zahir dan Batin...ikhlas dari saya.

Contoh 1 di atas memperlihatkan penggunaan bahasa Melayu secara keseluruhan dalam satu segmen perbualan. Walaupun pesertanya terdiri daripada penutur bahasa Jawa, namun masing-masing peserta menggunakan bahasa Melayu. Dalam data di atas penggunaan bahasa Melayu tidak dicampur dengan

dengan bahasa Jawa atau bahasa lain. Dengan kata lain dalam segmen perbualan di atas tidak berlaku penukaran kod.

Segmen perbualan yang menggunakan bahasa Jawa sepenuhnya pula amat sedikit. Berikut ialah contoh perbualan yang menggunakan bahasa Jawa sepenuhnya:

Contoh 2

P10: A.. sesok wes ngajar yo...

('A..besok sudah mengajar ya')

P1: Yo noreh wak j...

('Ya..menoreh wak j..')

P10: wong saiki opo iso noreh..oyo ngapusi lah.

('Orang sekarang apa pandai menoreh ..jangan bohonglah')

P1: Saiki noreh ora gowo peso, ngaggo pencil wae kok wak j..he3

('Sekarang menoreh tidak membawa pisau, pakai pensil sahaja wak j..')

Contoh 2 di atas menunjukkan penggunaan bahasa Jawa sepenuhnya dalam perbualan. Penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Jawa yang baik seperti yang dipamerkan oleh para informan dalam contoh 1 dan contoh 2 menunjukkan bahawa para informan menguasai kedua-dua bahasa dengan baik. Oleh itu, bentuk penukaran kod yang menonjol dalam perbualan *WhatsApp* ini adalah dalam bentuk ayat. Dengan kata lain para informan akan menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya atau Bahasa Jawa sepenuhnya.

Data kajian juga menunjukkan terdapat penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Jawa yang bersilih ganti mengikut gilir-tutur dalam sesuatu sesuatu segmen perbualan seperti contoh berikut:

Contoh 3

P12: Walaikum salam kang r--- Pea bojone..mg berjalan lancar..sabar yo kang

seng bojone waras pun wes gatelen f---

P11: gatel sitik2 wae kok f---

P3: yo digaru huhuhu

Aku kebanjiren kang

P11: oooola kesiane koea f---

P3: apa nak buat dah nasib

P11: seng sabar wae lah f---

P3: tu yg melalut tu

Perbualan dalam bahasa Jawa akan disisipkan dengan kata-kata daripada bahasa Melayu seperti contoh 4 berikut:

Contoh 4

P1 :Kang R...ono neng endi tho...

'Abang R...ada di mana'

P3 : kabare konco2

'Apa khabar kawan-kawan'

Tgh2 noreh kudanan

'Tengah menoreh kehujanan'

Iki br tekan jasin arek mareng johor

'Ini baru sampai jasin hendak pergi johor'

Kue nan ndi m---

'Awak di mana m---

Contoh 4 di atas memperlihatkan penggunaan bahasa Jawa dalam satu segmen perbualan yang mengandungi sisipan kata daripada bahasa Melayu. Perkataan **tgh2** (tengah-tengah) dalam ayat *Tgh2 noreh kudanan* “Tengah menoreh kehujanan” adalah kata Melayu. Dalam bahasa Jawa perkataan yang tepat untuk *tengah* ialah *agek*. Begitu juga dengan kata **br** (baru) yang merupakan kata Melayu. Dalam bahasa Jawa kata yang sesuai ialah *agek* yang bermaksud lagi atau sedang. Dalam Contoh 3 perkataan *noreh* (menoreh) membawa maksud kerja.

BENTUK-BENTUK PENUKARAN KOD

Menurut Grosjean (1982) penukaran kod melibatkan bentuk kata, frasa, klausa atau ayat. Berdasarkan data yang dianalisis, didapati ketiga-tiga bentuk penukaran kod iaitu, kata, frasa dan ayat dapat dikesan dalam perbualan *WhatsApp* kumpulan Geng Jawa STI 83-84 ini. Dalam data penukaran kod ini, kedua-dua bahasa iaitu, bahasa Melayu dan bahasa Jawa masing-masing menjadi bahasa matriks. Apabila bahasa Melayu menjadi bahasa matriks, maka bahasa sisipan pula terdiri Bahasa Jawa, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pula akan menjadi bahasa sisipan apabila Bahasa Jawa menjadi bahasa matriks.

Bentuk penukaran kod yang melibatkan bentuk kata dapat dilihat dalam contoh berikut:

patot la cm kemeng jer ayatnye..

'patutlah macam pening sahaja ayatnya'

W--- bikin gawat nak buka nie

W--- kemproh!

'W--- pengotor!'

Lau ada rzeke ape salahnye..he3, wak j--- tak pingin ke?kikiki

'Kalau ada rezeki apa salahnya..wak j--- tidak mahu ke?'

Bojo dlm mimpi

'Isteri dalam mimpi'

Hj R---.jadi atok dulu menowone..

Hj R--- jadi atok dulu agaknya..

Hehe..sah l-- konpius lak nti nak dukung mana.

M.. esok free tak

Lohhh...kok left nyopo kang.

lololo...kok sedih nyapoo?

Alhamdulillah cuma tertekan

Alahmadulillah..sukran..bijak..memahami

Contoh 1-9 di atas adalah contoh penukaran kod bentuk kata. Dalam contoh 1-5, bahasa matriksnya terdiri daripada Bahasa Melayu, manakala kata-kata yang menjadi sisipan terdiri Bahasa Jawa. Perkataan *kemeng* 'pening', *kemproh* 'pengotor', *pingin* 'mahu', *bojo* 'isteri' dan *menowone* 'agaknya' adalah perkataan Jawa. Kata-kata ini terdiri daripada kata nama (*bojo*), kata kerja (*kemeng*, *pingin*), kata adjektif (*kemproh*) dan kata penguat (*menowone*). Contoh 6-8 pula memperlihatkan sisipan kata-kata Inggeris. Kata-kata Inggeris ini ada yang dieja mengikut sebutan seperti *konpius* (*confuse*) dan juga dieja mengikut sistem ejaan bahasa Inggeris seperti contoh (7) dan (8), iaitu *free* dan *left*. Berbanding sisipan kata Jawa dan Inggeris, kata Melayu tidak banyak menjadi sisipan dalam data perbualan *WhatsApp* Geng STI 83-84. Contoh sisipan bahasa Melayu ialah *sedih* seperti dalam contoh (9). Contoh kata Arab yang menjadi sisipan ialah *alhamdulillah* dan *sukran*.

BENTUK FRASA

Penukaran kod bentuk frasa juga berlaku dalam perbualan whatapps ini. Namun penukaran kod bentuk frasa ini tidak banyak berbanding dengan bentuk kata. Bentuk frasa yang disisipkan ke dalam ayat bahasa Melayu dan bahasa Jawa terdiri daripada frasa bahasa Inggeris. Berikut ialah contoh penukaran kod bentuk frasa yang terdapat dalam perbualan:

(12) *Hehe..Alahmadulillah diterima..kalau tak tdi bapak nyer take over..*

(13) *Sape nk mkn arab foods bole dtg open ofce m---*

(14) *office ngawe open office.*

Dalam contoh (12) bahasa Melayu yang menjadi bahasa matriks telah mendapat sisipan frasa bahasa Inggeris seperti contoh (12) *take over*, (13) *open office* dan *arab foods*. Contoh frasa bahasa Jawa tidak ditemui dalam ayat bahasa Melayu, begitu juga sebaliknya frasa bahasa Melayu tidak ditemukan dalam ayat bahasa Jawa. Contoh (14) pula memperlihatkan penyisipan frasa bahasa Inggeris *open office* dalam ayat bahasa Jawa.

BENTUK AYAT

Penukaran kod dalam bentuk ayat juga berlaku dalam perbualan *WhatsApp* ini. Penukaran kod bentuk ayat ini berlaku daripada bahasa Melayu kepada bahasa Jawa dan juga daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris. Berikut ialah contoh penukaran kod bentuk ayat:

(14) *Yoo esok teko kabeh. Jom makan2 esok.*

(15) *Waaahhh...hangat cerita politik yea... sometimes it look funny*

Contoh (14) dan (15) adalah contoh penukaran kod bentuk ayat yang dilakukan oleh peserta *WhatsApp* ini. Penukaran kod bentuk ayat terdiri daripada penukaran bentuk ayat bahasa Jawa kepada ayat Bahasa Melayu adalah seperti contoh (14), manakala penukaran kod daripada bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris adalah seperti contoh (15).

PERBINCANGAN

Peserta yang terlibat dalam komunikasi *WhatsApp* ini adalah orang yang menguasai bahasa Jawa dan Bahasa Melayu dengan baik. Majoriti mereka, iaitu 16 orang adalah orang Jawa yang bahasa ibundanya Bahasa Jawa. Manakala selebihnya, iaitu tiga orang adalah berbangsa Melayu. Walaupun mereka tidak fasih berbahasa Melayu, namun mereka memahami bahasa Jawa dengan baik. Di samping menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Jawa, para peserta perbualan *whatapps* ini ternyata turut menguasai Bahasa Inggeris. Dengan kata lain peserta *WhatsApp* ini adalah multilingual.

Penguasaan bahasa Jawa yang baik adalah disebabkan mereka dibesarkan dengan bahasa Jawa dan dalam lingkungan masyarakatnya yang juga adalah masyarakat Jawa. Tradisi Jawa seperti *kenduri* (slametan), *rewang* dan *bancaan* (kenduri kecil) dan sebagainya adalah tradisi yang turut dilalui dan masih diamalkan oleh mereka. Dalam majlis-majlis seperti *slametan*, *rewang* dan *bancaan* misalnya, komunikasi yang berlaku adalah dalam Bahasa Jawa, terutama apabila mereka berkomunikasi dengan orang lebih tua daripada mereka dan juga sesama mereka. Dengan kata lain tradisi ini menjadi ruang berkomunikasi dalam Bahasa Jawa dan juga secara tidak langsung menjadi tempat pembelajaran Bahasa Jawa.

Mereka juga menuturkan Bahasa Jawa di rumah dan juga di persekitaran

permainan mereka bersama rakan-rakan semenjak kecil. Ibu-bapa mereka bertutur dalam Bahasa Jawa apabila berkomunikasi antara keduanya dan turut menggunakan Bahasa Jawa apabila bertutur dengan anak-anak. Namun begitu, dalam pertuturan antara ibu bapa dan anak sering berlaku penukaran kod daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Jawa. Malah dalam banyak situasi pertanyaan ibu bapa atau orang tua dalam Bahasa Jawa dijawab dalam Bahasa Melayu anak-anak atau orang muda (Muhammad Firdaus Pawit dan Normahdiah Sheikh Said 2014). Penguasaan Bahasa Jawa yang baik ini sering menjadi bahan gurauan oleh guru di sekolah yang mengajar di kawasan orang Jawa, misalnya apabila pelajar diminta menyebut satu, dua, tiga, mereka tidak dapat menyebutnya, tetapi jika diminta menyebut dalam bahasa Jawa mereka dapat menyebutnya dengan lancar.

Walaupun majoriti mereka terdiri daripada orang Jawa yang fasih berbahasa Jawa, namun, dalam perbualan *WhatsApp* ini didapati penggunaan Bahasa Melayu lebih banyak berbanding Bahasa Jawa. Antara faktor utama yang menyebabkan mereka banyak menggunakan Bahasa Melayu dalam perbualan *WhatsApp* ini adalah disebabkan oleh faktor pendidikan. Kajian Wong Khek Seng (1987) juga mendapati faktor pendidikan memainkan peranan dalam fenomena penukaran kod. Penutur yang menerima taraf pendidikan yang tinggi berupaya menukar kod dengan lebih menyeluruh dan melibatkan bukan sahaja bentuk kata tetapi juga frasa, dan ayat. Peserta dalam kumpulan ini adalah mereka yang berpendidikan tinggi dengan memiliki diploma dan ijazah. Mereka telah melalui sistem pendidikan yang menggunakan bahasa pengantar Bahasa Melayu semenjak dari sekolah rendah lagi. Walaupun di rumah mereka menggunakan Bahasa Jawa dan Bahasa Melayu, tetapi di sekolah mereka telah didedahkan dengan bahasa Melayu sepenuhnya. Pendedahan Bahasa Melayu yang bermula dari sekolah rendah berterusan sehingga mereka memasuki kolej dan juga universiti.

Tiga puluh tahun dahulu peserta *WhatsApp* yang terlibat dalam perbualan ini sama sekali tidak menggunakan Bahasa Jawa dalam perbualan sesama mereka. Sewaktu itu mereka masih bersekolah dan Bahasa Melayu adalah bahasa utama mereka. Berbeza dengan bahasa yang mereka gunakan dalam perbualan di *WhatsApp*. Justeru penggunaan Bahasa Jawa dalam *WhatsApp* ini pula boleh dikaitkan dengan identiti (Subakir 1998) dan umur.

Penggunaan Bahasa Jawa dalam *WhatsApp* dapat memperlihatkan identiti Jawa mereka. Masing-masing peserta cuba menonjolkan identiti Jawa mereka. Peserta perbualan *WhatsApp* ini tidak lagi tinggal di lokasi yang sama iaitu Batu Pahat. Kini mereka tinggal di tempat-tempat lain seperti di Batu Pahat, Johor Baharu, Muar (Johor). Ramai juga yang tinggal di luar negeri Johor seperti Puchong, Petaling Jaya (Selangor) dan juga Seremban, Kuala Pilah (Negeri Sembilan). Dengan kata lain terdapat peserta yang tidak lagi tinggal dalam komuniti Jawa. Walaupun mereka berada jauh antara satu sama lain dan tidak lagi tinggal dalam komuniti Jawa, namun mereka masih menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa

komunikasi. Penggunaan Bahasa Jawa yang diselang selikan dengan dengan Bahasa Melayu ini menyerlahkan identiti mereka sebagai orang Jawa. Mungkin kerana umur yang meningkat juga telah memberi kesedaran kepada mereka untuk mengekalkan bahasa ibunda mereka dan menjadi simbol identiti.

KESIMPULAN

Walaupun Bahasa Jawa semakin kurang dituturkan dalam perbualan lisan tetapi bahasa Jawa semakin banyak digunakan dalam media sosial. Penggunaan Bahasa Jawa ini digunakan sepenuhnya dalam sesuatu perbualan dan kadang kala diselang-selikan dengan penggunaan Bahasa Melayu. Penguasaan kedua-dua bahasa yang baik dalam penutur Bahasa Jawa menjadikannya lebih mudah untuk kedua-dua bahasa ditukar kod, iaitu daripada Bahasa Jawa kepada Bahasa Melayu dan Bahasa Melayu kepada Bahasa Jawa. Di samping itu, terdapat juga penukaran kod daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris dan juga Arab. Justeru dengan adanya penggunaan media aplikasi sosial sebagai medium berkomunikasi seperti *WhatsApp*, maka penggunaan Bahasa Jawa telah meningkat dan seterusnya akan membantu melestarikan Bahasa Jawa.

BIODATA PENULIS

Karim Harun ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Bidang pengkhususan beliau ialah Sejarah Linguistik dan psikolinguistik.

Maslida Yusof ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Bidang pengkhususan beliau ialah semantik dan pragmatik.

RUJUKAN

- Dayang Fatimah. (2007). *Code-switching in a multilingual Enviroment*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Dorleijn, M & Nortier J.(2009). Code-switching and the internet. Dlm. Bullock.B.E. dan Toribo A.J. *The Cambridge Handbook of Linguistic Code-switching*. Cambridge: University Press
- Groesjan. (1982). *Life with two languages*.Cambridge: Cambridge University Press.
- Jacobson, Rodolfo. (2004). *The broadening spectrum of Malaysian experience: From informal codemixing to formal codeswitching*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lily El Ferawati Rofil, Md Azalanshah Md Syed & Azizah Hamzah “Jadi Melayu”: Televisyen Dan Pembentukan Identiti Wanita Kuturunan Jawa Di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication* Jilid 31(1) 2015: 41-58
- Mohd. Zaidi Mahmud & Bahiyah Omar. (2013). Motif dan kekerapan penggunaan facebook dalam kalangan pelajar universiti. *Malaysian Journal of Communication*, 29 (1), 35-54
- Muhammad Firdaus Pawit & Normahdiah Sheikh Said.(2014). Pengaruh bahasa Jawa Pembauran Kod Golongan Muda Melayu Berketurunan Jawa. *Jurnal Antarabangsa Alam dan tamadun Melayu*. Jilid 2 Bil.3: 76-85
- Myers-Scotton.C. (1993). *Duelling languages, grammatical structurein code-switching*. Oxford: Oxford Universiti Press.
- Nita Sulistya Wati . (2013). Pemertahanan dan pergeseran bahasa jawa dalam percakapan media social jejaring facebook. *Jurnal Pendidikan Bahasa, Satra, Budaya Jawa* Universitas Muhammadiyah Puworejo. Vol 03/ N0.01: 23-27.
- Siti Ezaleila Mustafa,(2014). Penghijrahan daripada dunia realiti ke dunia maya: tinjauan umum terhadap dunia maya sosial terpilih. *Malaysian Journal of Communication*, 30 (Special Issue), 243-258
- Subakir, Muhammad. (1998). *Language Allegiance and language Shift*. Bangi: Fakulti Pengajian Bahasa.
- Wong Khek Seng. (1987). *Persilihan Bahasa di Kampung Kerinci*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

